

BAB 9: WARISAN KERAJAAN KEDAH, KELANTAN, NEGERI SEMBILAN DAN PERLIS

BAHAGIAN B Soalan Struktur

1. Kelangsungan kewujudan kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis hingga kini turut diiringi dengan kegemilangannya mengharungi pelbagai cabaran sejak pengasasannya lagi.

a) Jelaskan aspek-aspek yang memperlihatkan kemegahan dan kegemilangan kerajaan-kerajaan tersebut. [2 markah]

b) Nyatakan penggunaan gelaran pemerintah di: [2 markah]

Perlis : _____

Kedah : _____

c) Bagaimanakah cara pelantikan pengganti pemerintah dilakukan di negeri-negeri tersebut? [2 markah]

d) Institusi beraja perlu dikekalkan oleh generasi masa kini. Bagi penjelasan anda. [4 markah]

2. Senarai berikut berkaitan dengan sistem perundangan di negeri-negeri Melayu.

- ✧ Undang-undang Tubuh Kerajaan Darulaman
- ✧ Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis
- ✧ Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan

a) Jelaskan peranan Sultan sepertimana yang dinyatakan di dalam Undang-undang Tubuh tersebut. [2 markah]

b) Kerajaan Kedah dan Kelantan berusaha untuk memantapkan undang-undang Islam. Apakah langkah yang telah dilakukan? [4 markah]

c) Mengapakah sistem perundangan tersebut diperkenalkan? Gunakan pengetahuan sejarah dan pengetahuan anda. [4 markah]
